



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2017/11/74 (HQ)

### BANJIR DI PULAU PINANG: TNB BEKAL 30 SET JANAKUASA BERGERAK

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah membekalkan 30 set janakuasa bergerak ke kawasan banjir di Pulau Pinang.

Sehingga jam 10.00 malam, 12 generator bergerak telah sedia dipasang, kata Pengurus Besar Kanan (Distribution Network) TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

Tambahnya, TNB telah menghentitugas sementara 38 daripada 4852 pencawang elektriknya di Pulau Pinang atas faktor keselamatan.

“Bekalan akan dipulihkan sebaik keadaan mengizinkan.

“Kami sedang memantau pepasangan di kawasan yang terjejas akibat banjir bukan sahaja di Pulau Pinang, malah di Kedah,” katanya lagi.

Menurut Wan Nazmy, TNB turut membantu kerja-kerja pemindahan mangsa-mangsa banjir ke pusat-pusat pemindahan.

“Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan dan bekalan elektrik, orang ramai boleh menghubungi talian TNB CareLine di 15454,” kata Wan Nazmy lagi.

Beliau turut menasihatkan orang ramai supaya mengutamakan aspek keselamatan dan mematuhi arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 10.30 malam, 5 November 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*